

Semangat tidak perjuang kebajikan rakyat

27 AUG 1990

BERUAS, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyifatkan parti Semangat 46 sebagai milik peribadi Tengku Razaleigh Hamzah dan bukannya sebuah parti yang memperjuangkan kepentingan ramai.

Beliau berkata, Semangat 46 adalah parti seorang pemimpin yang gagal mendapat tempat dalam kerajaan dan oleh itu, perlu ditolak oleh rakyat dalam pilihanraya umum akan datang.

Berucap di perhimpunan rakyat di Padang Awam Kampung Bakar Bata di sini hari ini, beliau berkata Tengku Razaleigh juga sanggup mengheret Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sebagai alat untuk menguatkan kempen wlitiknya.

"Beliau sanggup mengheret Tunku dari katil hospital dan menyuruhnya berucap bagi pihak Semangat 46.

"Kita sayang dan hormati Tunku sebagai Bapa Kemerdekaan. Tetapi Tengku Razaleigh sanggup membusukkan nama Tunku bagi dirinya sendiri sehingga rakyat kini berasa kurang hormat kepada Tunku.

"Inikah yang patut kita jadikan contoh pemimpin masa depan? Sepatutnya Tengku Razaleigh membiarkan Tunku berehat dan terus menerima penghormatan rakyat," katanya.

Mengenai kempen DAP di Pulau Pinang, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, parti pembangkang itu kini mengedarkan beratus-ratus poster '500 sudah cukup' di negeri itu bagi menghadapi pilihanraya umum akan datang.

Menurutnya, kempen itu antara lain mencerminkan hasrat DAP untuk mendapatkan sekurang-kurangnya 500 undi penyokong Semangat 46, Pas dan orang Melayu 'atq pagar' bagi membolehkan calonnya mencapai kemenangan di semua kawasan.

"Ini seolah-olah menunjukkan DAP menganggap Semangat 46 adalah parti 500 undi saja," katanya kepada kira-kira 15,000 rakyat pelbagai lapisan kaum dan agama yang berkumpul di situ.

Turut berucap ialah Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib; Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Jim Keng Yaik; Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu.